



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 23
TARIKH	: 12/7/2018		
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Dua beranak miliki jerat, kura-kura dipenjara dua tahun

Kuala Terengganu: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap dua beranak warga Thailand selepas mereka mengaku bersalah memiliki 13 utas jerat dawai dan menyimpan dua ekor kura-kura Duri Bukit yang dilindungi sepenuhnya tanpa kebenaran.

Tertuduh, Canthi Cantupa, 44, dan anaknya, Pipop Cantupa, 18, yang tidak diwakili peguam mengaku bersalah sejurus dua pertuduhan itu dibacakan di depan Hakim Tuan Azman Mustapha.

Mengikut pertuduhan perta-

ma, kedua-dua beranak terbabit yang ditahan pada 21 Jun tahun lalu di Hutan Simpan Jengai, Dungun, didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(a) dan Seksyen 68(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Hukuman berjalan serentak

Tuan Azman menjatuhkan hukuman penjara dua tahun bagi setiap kesalahan bermula dari hari tangkapan, namun memrintahkan ia dijalankan secara serentak.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Jabatan Perlin-



PERHILITAN juga komited dan proaktif dalam mengesan serta menangkap penceroboh terutama di kawasan Taman Negara”

PERHILITAN Terengganu

dungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Terengganu, Zaitup Hazlin Mat Jusoh.

Sementara itu, PERHILITAN Terengganu dalam satu kenyataan mengingatkan semua individu sama ada rakyat tempatan atau warga asing bakal berdepan tindakan tegas terhadap mereka yang memburu hidupan liar secara haram dan memasang jerat di kawasan hutan negara.

“PERHILITAN juga komited dan proaktif dalam mengesan serta menangkap penceroboh terutama di kawasan Taman Negara,” katanya.